

Jenis Akhbar : *Mingguan Sarawak*
Tarikh : *31/07/2022*
Edisi / Muka Surat : *Sarawak /20*
Tajuk : *Barangan jenama COOP mula dijual September*

Barangan jenama COOP mula dijual September



LAWATAN... Tan Sri Noh Omar (tengah) ketika melawat ke ruang jualan terus selepas Majlis Pelancaran Hari Koperasi Negara 2022 di Mines International Exhibition & Convention Centre (MIECC), semalam. • Foto BERNAMA

SERDANG: Sebanyak lima barangan keperluan asas jenama COOP, melibatkan gula, minyak masak, tepung, beras dan ayam beku, akan mula dipasarkan Sep-

tember ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar berkata jenama di bawah inisiatif Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM) itu dijangka lebih murah antara 10 hingga 25 peratus berbanding harga pasaran setempat.

Beliau berkata, kesemua

barangan keperluan asas itu akan diimport dari negara seperti Thailand, Indonesia, Pakistan, India dan Brazil bagi mengurangkan peranan dan penglibatan orang tengah.

"Di peringkat permulaan, kita akan memasarkan di kedai koperasi yang ada di dalam negara ini, lebih kurang 3,000 koperasi dan itu untuk peringkat pertama. Untuk peringkat kedua, kalau kita tengok perkara ini mendapat sambutan, kita akan jual juga di luar kedai koperasi tetapi dengan tanda perniagaan COOP.

"Tetapi harga COOP ini akan dikawal oleh SKM. Kalau kita dapat laporan mana-mana yang menjual barang yang menggunakan tanda perniagaan COOP ini tidak mengikut arahan yang ditentukan oleh SKM, maka kita boleh membatalkan mereka ini sebagai pengedar kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Koperasi Negara 2022 (HKN22) di sini, semalam.

Noh berkata, ketika ini COOP hanya menawarkan lima jenis barangan keperluan asas tersebut, namun tidak menolak kemungkinan untuk memperluas ke beberapa barangan lain sekiranya mendapat sambutan.

Beliau berkata selain pasaran secara fizikal, produk jenama COOP itu juga dijangka dijual secara dalam talian mulai September.

Sambutan HKN22, diadakan serentak dengan Ekspo Koperasi Malaysia (ESKOM) bermula Khamis lepas hingga hari ini dengan 400 reruai koperasi dan usahawan disediakan.

Pada majlis itu, Noh turut melancarkan Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi Malaysia dan Program Eksplorasi CoopUmrah. - Bernama